



Received: 2019-08-25

Accepted: 2019-10-30

Published: 2019-11-20

Original Article

## Dakwah Melalui Program *Mosque Tour Guide* Berasaskan Ilmu Perbandingan Agama di Masjid Kristal

Azarudin, A.<sup>a\*</sup> & Azman, C.M<sup>a</sup> Che Zuina, I.<sup>b</sup> Wan Noor Hazlina, W.J.<sup>a</sup> Norhana, N.A<sup>c</sup>

<sup>a</sup> UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Dungun, Terengganu, Malaysia.

<sup>b</sup> Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Kuala Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

<sup>c</sup> Persatuan Darul Fitrah, No1634 K&L, Taman Had Jalan Ibrahim, Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

\* Corresponding author, email; azaru154@uitm.edu.my

### ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan aktiviti dan pendekatan dakwah berdasarkan konsep Ilmu Perbandingan Agama yang dilakukan melalui *Mosque Tour Guide* di Masjid Kristal, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu. Bagi mencapai tujuan tersebut organisasi dakwah yang telah dipilih ialah Persatuan Darul Fitrah Kuala Terengganu. Pengumpulan data melibatkan metode kepustakaan dan kajian lapangan. Manakala penganalisan data pula menggunakan metode deduktif dan induktif. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh para sukarelawan dari Persatuan Darul Fitrah berasaskan Ilmu Perbandingan Agama telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan pelancong non-Muslim yang berkunjung ke tempat tersebut. Oleh itu, penggunaan ‘Ilmu Perbandingan Agama’ dalam kegiatan dakwah didapati mampu menjelaskan semula salah faham tentang Islam dan memberi informasi yang baru kepada pelancong bukan Islam yang melawat Masjid Kristal.

**Kata Kunci:** Dakwah, *Mosque Tour Guide*, Perbandingan Agama, Masjid Kristal

### Pendahuluan

Pelancong merujuk kepada seseorang melakukan lawatan ke suatu tempat di luar persekitaran yang biasa selama lebih daripada 24 jam untuk menziarahi tempat, melaksanakan urusan pekerjaan atau seseorang dengan tujuan-tujuan tersendiri sama ada melibatkan warga tempatan atau luar. (*United Nation World Tourism Organization*, 2010). Berdasarkan Kamus Dewan (2010) pelancongan dijelaskan sebagai aktiviti melawat di sesuatu tempat sambil melihat-lihat. Jumlah kedatangan pelancong asing ke negara ini pada tahun 2012 ialah 25 juta. Hal ini menunjukkan Malaysia cukup berpotensi untuk mempromosikan pelancongan Islam. Pelancongan dalam Islam boleh dijelaskan sebagai Musafir, Ziarah, Rehlah, Siyahah, Umrah dan Haji yang bermatlamatkan urusan yang berkait dengan perniagaan, menimba ilmu, berdakwah, melihat fenomena alam, mendapat maklumat dan iktibar, tujuan kesihatan, rekreasi, silaturahim

dan berlindung daripada ancaman serta perubahan sikap untuk mendapatkan keredhaan Ilahi (Rosmawati et al. 2014).

Bagi sesetengah pelancong yang datang melawat ke sesuatu tempat, membicarakan isu-isu agama adalah dianggap sebagai sesuatu yang *taboo*. Walhal dalam masa yang sama ia adalah sesuatu yang positif untuk dibicarakan khususnya apabila ia bermatlamatkan membentuk perpaduan antara kaum, agama dan masyarakat (Aszlan Selamat dan Muhamad Iszuan bin Safarudin, 2013). Dalam hal ini, Muhammad Nazmi et al. (2016) berpandangan, salah faham dan sentimen terhadap sesuatu agama boleh dielakkan apabila ada kefahaman mengenai agama sendiri dan agama-agama yang lain. Proses ini dilakukan dengan cara memupuk minat dan informasi setiap warga terhadap asas-asas agama yang wujud. Justeru, kerancakan industri pelancongan melalui masjid membuka ruang yang baharu kepada badan-badan dakwah sama ada NGO atau kerajaan untuk menyampaikan informasi Islam kepada komuniti bukan Muslim. Boleh dikatakan proses menyampaikan informasi kepada komuniti bukan Muslim ini sebenarnya sebagai salah satu bentuk dakwah yakni mengajak mereka memahami tentang kebenaran dan mencegah dari melakukan keburukan dengan memperbetulkan semula salah faham yang timbul. Melalui pengetahuan ini, penerima mampu melakukan penilaian wajar apabila berhadapan dengan pernyataan dan situasi berbaur prasangka dan tanggapan negatif terhadap agama lain. Oleh itu, dalam mencapai matlamat tersebut, dakwah perlu dilakukan dengan hikmah dan kebijaksanaan untuk mengikuti petunjuk Allah dan Rasul-Nya (Muhd Nurazam et al. 2018). Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

اَدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَادِهِمْ بِأَيْتَیٰ هِيَ أَخْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ  
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk. (Surah al-Nahl: 125)

Pembinaan rumah ibadat ‘masjid’ untuk membangunkan syiar Islam dilihat sebagai satu proses mendekatkan diri dengan Allah dan kemudiannya membina kesatuan dalam komuniti Muslim. Kewujudan dan pembinaan masjid berdasarkan seni bina yang unik menjadi penarik kepada para pelancong untuk berkunjung ke sesuatu tempat. Kepelbagaiannya seni bina masjid menjadikan pelancongan masjid sebagai salah satu sumber yang mampu menjana ekonomi setempat secara khusus dan negara secara amnya. Malah terdapat masjid-masjid seperti Masjid Al-Haram, Masjid Nabawi, Masjid Biru (Istanbul) yang memberi sumbangan yang besar kepada produk pelancongan. Para pelancong banyak mendapat informasi tentang sebuah masjid melalui pemandu pelancong dan masalah akan timbul apabila pelancong datang tanpa menggunakan khidmat pemandu pelancong. Mengambil kira Islam merupakan agama dakwah, iaitu mengajak manusia lain kepada ke arah kebaikan dan mencegah kepada keburukan, dakwah dalam industri pelancongan melalui peranan masjid cukup signifikan.

Menurut Rosmawati et al. (2014), kumpulan perunding pelancongan Islam yang berpangkalan di Singapura meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Islam terbaik dunia. Dengan demikian, selain berbelanja atau melihat keindahan alam semulajadi, para pelancong perlu disaji dan diselitkan dengan nilai kebudayaan Islam yang sebenarnya ketika mereka berkunjung ke masjid.

### **Signifikan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Program Dakwah Pelancongan Masjid**

Ilmu kajian agama adalah bidang yang membahaskan aspek-aspek sejarah, kepercayaan, amalan, dan akhlak yang berlaku dalam agama tersebut. Dalam perihal ini, Ibn Khaldun membahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu pertama, kajian agama-agama (*studies of religions*) yang menyentuh doktrin-doktrin dalam sesebuah agama dan keduanya ialah pandangan seseorang individu terhadap agama (*views on religion*) berdasarkan pengalaman hidup dan kajian yang dilakukan (Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, 2018). Manakala istilah ‘perbandingan agama’ bermaksud ilmu tentang perbezaan dan persamaan yang wujud antara agama-agama. Lazimnya dalam bahasa Inggeris dinyatakan sebagai ‘*comparative religion*’ manakala dalam bahasa Arab disebut sebagai ‘*muqarannah al-adyan*’ (Aemy Elyani Mat Zain & Nur Azimah Abdul Aziz, 2017). Seorang tokoh kajian agama yang terkenal di Indonesia, iaitu Mukti Ali menyatakan bahawa perbandingan agama merupakan satu disiplin ilmu yang cuba memahami fenomena keagamaan dari sesuatu kepercayaan dan hubungannya dengan agama lain (Norsaadah et al., 2018). Dalam melakukan analisis deskriptif terhadap fenomena yang berlaku dalam agama ini, metode-metode yang digunakan dalam perbandingan agama memberikan perhatian terhadap agama-agama yang relevan dengan keadaan masyarakat, mengklasifikasikan agama, menyatakan persamaan, menyatakan perbezaan, melakukan komentar dengan berhikmah, penafian terhadap amalan agama tersebut dengan hujah yang kukuh (Mohd Faizal Abdulkhir, 2012). Manakala hujah secara normatif yakni membentangkan dengan hujah yang positif seperti berhikmah, fokus kepada isu tertentu, kepelbagaian hujah (empirikal, tekstual, berdasarkan sejarah, pembuktian kebatilan terhadap sesuatu kepercayaan, andaian, mengemukakan pertanyaan, cabaran dan mengemukakan misal) (Mohd Faizal Abdulkhir, 2017).

Timbalan Pengurus Persatuan Cina Muslim Ipoh (Macma), Hafiz Ng, menyatakan bahawa peranan masjid bukan sahaja sebagai pusat ibadat malah sebagai pusat aktiviti masyarakat sekitar. Pelaksanaan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti mengadakan majlis berbuka puasa, sambutan perayaan Islam dan kebudayaan Cina mampu mendekatkan komuniti bukan beragama Islam ke masjid. Program sebegini merupakan bentuk-bentuk dakwah bagi membetulkan semula persepsi kepada komuniti bukan Muslim bahawa Islam bukanlah agama yang menyusahkan, malah akan terus memelihara hubungan kekeluargaan dalam penuh rasa kasih dan sayang (Sinar Harian, 1 Julai 2018). Berkait dengan ini, Norsaadah et al. (2018) menyatakan bahawa perkara yang menjadi isu dalam ilmu perbandingan agama ialah masalah ketuhanan, kemanusiaan dan toleransi dalam beragama. Justeru, dialog yang dilakukan dengan berhikmah di antara umat beragama dapat menyumbang kepada pemupukan sikap persefahaman dan kewujudan suasana hidup harmoni dan sejahtera.

Ilmu Perbandingan Agama mampu mendedahkan agama Islam kepada agama lain melalui pendedahan ajaran-ajaran yang terdapat dalam agama tersebut. Setidaknya, orang lain boleh memahami asas-asas agama yang berkaitan kepercayaan yang dianuti. Selain itu, ilmu perbandingan agama mampu melahirkan kepercayaan yang mutlak tanpa diselubungi prejedis atau prasangka buruk. Bagi seorang Islam, perbandingan agama semestinya mengukuhkan lagi keimanannya dalam beragama kerana memiliki asas kepercayaan orang lain yang mampu mengelak daripada berubah atau mengikuti ajaran orang lain. Ia juga berkeupayaan membentuk sikap toleransi dan menerima perbezaan yang wujud dalam agama orang lain. Ilmu perbandingan agama amat diperlukan kerana ia menjadi asas kepada seseorang untuk terlibat dalam dialog antara agama (Wan Mohd Fazrul et al., 2015). Dengan ilmu perbandingan agama,

sentimen-sentimen tentang agama boleh dielakkan dengan adanya kefahaman mengenai agama sendiri dan agama-agama yang lain (Muhammad Nazmi et al., 2016).

### **Metodologi Kajian**

Data kajian ini diperolehi melalui dokumen-dokumen, temu bual dengan para pelancong dan laporan yang berhubung kait dengan program *Mosque Tour Guide* (MTG) yang dilakukan di Masjid Kristal. Temu bual dilakukan ke atas Cik Fatimah Nazifah binti Kamarudin yang merupakan salah seorang sukarelawan yang terlibat dalam projek *Mosque Tour Guide* di Masjid Kristal. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk mengetahui bentuk soal-jawab yang berkait dengan disiplin perbandingan agama oleh para sukarelawan ketika pelancong datang ke tempat tersebut. Bagi mendapat maklumat yang lebih meyakinkan, pengkaji juga bersemuka dengan pelancong non-Muslim yang berkunjung ke Masjid Kristal. Bilangan peserta dalam kajian ini seramai 10 orang dianggap mencukupi untuk tujuan kajian kes yang berbentuk kualitatif ini. Menurut Mohd Yusof Husain et al. (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa bilangan peserta kajian kes, iaitu lapan orang dikira memadai untuk tujuan kajian kes berbentuk kualitatif.

Kajian kes berbentuk kualitatif yang dilakukan oleh penulis dengan saiz sampel ( $n = 10$ ) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* agar wujud perkongsian pengalaman di antara pengkaji dan responden (Idris Awang 2009). Panduan temu bual boleh dijadikan senarai semak agar nanti tidak ada maklumat yang terlepas dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperolehi telah mencapai tahap tahu (*saturation*) (Creswell, J., 2005). Justeru, kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh memberikan gambaran, informasi, penjelasan, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk.

### **Program *Mosque Tour Guide* (MTG) di Masjid Kristal**

Masjid Kristal dibina daripada kaca dan keluli. Masjid ini merupakan masjid pintar pertama di Malaysia dan mempunyai keluasan 2,146 meter persegi yang terletak di Pulau Wan Man dan dirasmikan pada 8 Februari 2008 oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Masjid ini boleh memuatkan 700 jemaah pada satu-satu masa dan dilengkapi dengan prasarana teknologi maklumat dan liputan WiFi yang membolehkan pengunjung menggunakan kemudahan akses internet bagi membaca Al-Quran elektronik. Masjid ini menjadi salah satu destinasi pelancongan popular di negeri Terengganu, terutamanya pelancong dari China dan Perancis (Norhana, 2018).

Idea untuk menjadikan masjid sebagai platform dakwah kepada komuniti non-Muslim khususnya dalam kalangan pelancong di negeri Terengganu bertitik tolak daripada program *Mosque Tour Guide* (MTG)pada Disember 2010 di Masjid Abidin, Kuala Terengganu. Pada peringkat awalnya, program ini dilaksanakan oleh satu badan NGO dakwah, iaitu *Outreach ABIM* (IOAbim), Jawatan kuasa Masjid Abidin dan *Discover Islam Bahrain*. Selanjutnya, program yang sama dilakukan di Masjid al-Muktafi Billah Shah dengan kerjasama IOAbim, *Discover Islam Bahrain* dan Persatuan Darul Fitrah. Sehingga 2017, program *Mosque Tour Guide* dilaksanakan di Masjid Sultan Mahmud (UMT), Masjid Tengku Tengah Intan Zaharah (Masjid Terapung) dan di Masjid Kristal. Pihak masjid menyediakan kemudahan seperti lokasi, jubah dan sudut pameran,

manakala badan NGO Darul Fitrah menyediakan pamphlet, latihan kepada volunteer, kursus-kursus pemantapan dan promosi (Norhana, 2018).

Jumlah pelancong non-Muslim yang datang melawat Masjid Kristal dari tahun 2012-2017 ialah 24329 orang dari 89 negara dan separuh daripadanya adalah terdiri daripada pelancong tempatan. Manakala pelancong luar China (4878), Perancis (1020), Jerman (900), Thailad (471), Belanda (428), Jepun (410), Singapura (242), Itali (292) dan UK (276) (Norhana, 2018). Tujuan asal program ini dilaksanakan untuk menerangkan kepada para pelancong non-Muslim tentang budaya masyarakat Muslim apabila mereka melancong ke masjid, selain menjawab kekeliruan dalam kalangan pelancong tentang fenomena beragama dalam masyarakat Islam (Fatimah Nazifah, 2019). Hal ini bermakna, masjid boleh dijadikan sebagai penghubung bagi komuniti non-Muslim yang melancong bagi memahami dan memperbetulkan semula salah faham terhadap agama Islam.

Menurut Norhana (2018), tumpuan program MTG adalah pada setiap hari Sabtu dan Ahad kerana bilangan pelancong kadang kala boleh mencecah 20 hingga 50 dalam satu masa dan peruntukan masa yang perlu dihabiskan oleh para sukarelawan dalam satu sesi adalah 30 hingga 60 minit. Program dakwah di Masjid Kristal dilakukan sepenuh masa oleh beberapa orang sukarelawan dari Darul Fitrah dengan dibantu oleh beberapa orang AJK. Terdapat sekurang-kurangnya 10 orang sukarelawan yang mengendalikan aktiviti ini dan selebihnya adalah sukarelawan yang tidak tetap. Sukarelawan yang tidak tetap adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta dan para pelajar universiti. Sukarelawan diberikan latihan dakwah yang khusus untuk mengendalikan pelancong asing dan mereka juga diingatkan agar jangan berdebat, mengambil cakna dengan masa memandangkan para pelancong hanya singgah di situ pada tempoh yang seketika sahaja (Fatimah Nazifah, 2019). Bagi memahami agama-agama lain, kursus dakwah dan perbandingan agama dianjurkan oleh Persatuan Darul Fitrah dengan memberi tumpuan terhadap topik kewajipan berdakwah, agama-agama di dunia seperti Yahudi, Kristian, Buddha, Hindu dan agama tradisi Cina, teknik berdialog dengan non-Muslim dan menjawab salah faham terhadap Islam (Norhana, 2018).

### Kecurigaan Untuk Memasuki Rumah Ibadat

Terdapat dalam kalangan pelancong non-Muslim yang masih teragak-agak untuk masuk ke perkarangan masjid untuk melihat seni binanya. Mereka memikirkan sama ada boleh masuk atau tidak kerana tidak mahu menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat Muslim. Hal ini kerana dalam kalangan non-Muslim yang masih beranggapan memasuki ruangan rumah ibadat agama lain merupakan satu larangan yang mampu mengundang konflik secara terbuka. Namun dari perspektif Islam, non-Muslim dibenarkan untuk melawat ke masjid atas tujuan yang baik seperti mempelajari agama Islam dengan syarat kehadirannya mestilah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan masjid, tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab (Irsyad Fatwa Umum, 2018). Apa yang pasti, kebenaran yang diberikan untuk memasuki ruang solat di dalam masjid menyebabkan para pelancong berasa terharu dan tidak menyangka dapat melihat suasana yang tidak pernah dirasai sebelum ini, apatah lagi mereka diraikan dengan cukup mesra (Fatimah Nazifah, 2019). Pengalaman pelancong Australia ini dijelaskan sebagaimana berikut;

*"Friendly welcome to non-Muslims – if there has ever been a less accurate guide book entry than 'non-Muslims may not be permitted entry' I haven't read it. We were welcomed, given appropriate clothing and taken on a guided tour. We were invited to join the prayers, and when we politely declined, a member of the*

*congregation sat with us and explained what was happening. We then sat for half an hour chatting in English with locals. (Mfyfe, 2014)*

Para pelancong non-Muslim yang tidak menutup aurat diberikan satu persalinan jubah khusus apabila ingin memasuki Masjid Kristal. Mereka juga diterangkan tentang fungsi bahagian-bahagian yang ada di dalam masjid seperti mimbar, tempat mengambil wuduk, kubah, menara dan sebagainya. Di Masjid Kristal, para pelancong diperlihatkan bagaimana masyarakat Muslim melaksanakan ibadat dengan menghadap kiblat yakni sebagai titik arah kepada masyarakat Muslim untuk bersembahyang. Mereka juga diterangkan bahawa masjid juga berperanan sebagai sebuah institusi yang berusaha mengukuhkan nilai perpaduan tanda mengira latar belakang, warna kulit dan keturunan. Hal ini dilakukan melalui pelaksanaan solat berjemaah, kelas pengajian al-Quran, kelas taekwondo, program pengurusan rumahtangga, seminar-seminar, khidmat sosial dan sebagainya. Lebih jauh lagi, para pelancong diberi peluang merasai bagaimana melakukan pergerakan solat sebagaimana yang dilakukan oleh jemaah yang solat. Sebagai tanda kenangan mereka diberikan beberapa brosur yang mengandungi maklumat tentang agama Islam (Fatimah Nazifah, 2019). Pelancong dari Jerman menyimpulkan pengalaman terlibat dalam aktiviti ini sebagaimana berikut:

*It was a lovely experience and it's always nice to know and feel that you are welcome when you visit someone else's house of worship, especially when it was very much a working mosque and lots of people were praying. We were given pamphlets on the Quran and the history of Islam, especially in reference to Christianity and the biblical family tree. (Andrew April 2014)*

Sememangnya, penglibatan pelancong non-Muslim dalam upacara peribadatan masyarakat Muslim sedikit sebanyak menjelaskan kepada mereka bahawa Islam merupakan agama yang meraikan keterbukaan, optimis, tidak inklusif dan berpandangan jauh. Namun, setiap tindakan yang hendak dilakukan itu perlu berasaskan kepada keyakinan yang berpaksikan kepada prinsip akidah yang sebenar. Matlamat pendedahan tersebut adalah sebagai dorongan kepada non-Muslim untuk memahami Islam dengan lebih jauh, membetulkan salah faham tentang Islam bukanlah agama yang polemik dan mempromosi kebaikan. Lantaran itu, Khadijah et al. (2013) menyatakan ilmu perbandingan agama perlu menjadi alternatif dalam menangani fitnah konflik antara Islam dan agama bukan Islam.

### **Dialog Tentang Kenabian**

Dalam program *Mosque Tour Guide*, para pelancong didedahkan tentang salasilah para rasul yang bermula dari Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad SAW. Signifikan silsilah ini dipaparkan bagi menjelaskan bahawa konsep nubuwwah menurut kepercayaan Islam, Kristian dan Yahudi banyak memaparkan persamaan watak dan kisah. Dari aspek perbandingan agama, watak Nabi Isa (Jesus bagi Kristian) muncul dalam dua tamadun agama yang besar. Namun, terdapat dalam kalangan pelancong yang beragama Kristian yang tidak mengetahui bahawa sejarah Nabi Isa (Jesus) juga wujud dalam agama Islam. Mengambil kira, tradisi Nabi Isa wujud dalam dua peradaban, ada dalam kalangan pelancong bertanya "siapa pula Tuhan kamu" (Who is your God) atau "bagaimana masyarakat Muslim mempercayai Jesus" (*what do Muslim believed about Jesus*) (Fatimah Nazifah, 2019). Dialog di atas menunjukkan apakah aspek-aspek persamaan dan perbezaan yang menyentuh konsep ketuhanan Jesus. Dalam perihal ini sukarelawan akan menyatakan Jesus sebagaimana menurut kepercayaan Islam ialah seorang nabi yang dilahirkan tanpa bapa, anak kepada Maryam (Mary) dan pada akhir zaman dia akan

dimunculkan semula. Namun dinyatakan perbezaannya bahawa Jesus bukanlah anak Tuhan sebagaimana menurut kepercayaan Kristian.

Dalam ajaran Islam, nubuwah dinyatakan sebagai manusia pilihan Allah yang bersifat maksum (tidak melakukan dosa) manakala Bible memaparkan banyak sekali kisah-kisah yang menunjukkan para nabi melakukan dosa. Justeru, kesalahan besar yang dilakukan oleh Adam menyebabkan setiap manusia menanggung dosa. Penganut Kristian percaya Nabi Adam a.s dan Hawa telah mewariskan mereka satu dosa sepetimana yang dinyatakan dalam Genesis 3:6 sebagaimana berikut:

*"When the woman saw that the tree was good for food, and that it was a delight to the eyes, and that the tree was desirable to make one wise, she took from its fruit and ate; and she gave also to her husband with her, and he ate. Then the eyes of both of them were opened, and they knew that they were naked; and they sewed fig leaves together and made themselves loin coverings."*

Apabila berhadapan pelancong-pelancong yang bukan dari cabang ‘Abrahamic Religion’, misalnya pelancong yang beragama Hindu dan Buddha, para sukarelawan menyatakan bahawa “Adam merupakan manusia yang pertama, darinya manusia terus berkembang melahirkan manusia yang pelbagai bangsa, keturunan, warna kulit dan budaya, Dengan demikian, biar pun kamu dari agama Buddha dan Hindu, sebenarnya kita adalah dari satu keturunan yang sama.” Apa yang pasti, kaedah yang dianjurkan dalam Islam bagi mendepani masyarakat yang berbeza kepercayaan adalah tidak mencela, memaki hamun dan tidak menghina sembahannya mereka. Ini adalah kerana, falsafah dakwah Islam perlu difahami sebagai satu dorongan yang terangkum nilai-nilai kasih sayang agar mereka merasai aura nikmat Islam (Aemy Elyani et al., 2018). Justeru, ini menjelaskan bahawa Islam memperakui adanya kepelbagaiannya agama di dunia ini dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan dakwah dan seruan tauhid kepada mereka. Hal ini kerana, Rasulullah S.A.W menegaskan agar umatnya menyampaikan kebenaran Islam walaupun dengan sepotong ayat (lihat Bukhari hadis 346).

### **Mendepani Pelancong Dengan Menggunakan Logik Dalam Perbahasan**

Kemahiran memberi hujah mampu menjadikan seseorang mengemukakan cadangan terhadap kes, kelemahan fakta dan perbahasan hipotesis yang dibuat oleh orang lain tentang sesuatu perkara. Dialog berasaskan ilmu logik dapat dijadikan satu kaedah dalam perbahasan memandangkan kemahiran ini berperanan sebagai latihan kepada sukarelawan dalam membincarkan idea atau isu yang dilontarkan. Justeru, para sukarelawan menggunakan pendekatan logik khususnya apabila mereka ditanya tentang signifikan ibadah ‘solat’ bagi masyarakat Muslim. Dalam perihal ini, sukarelawan mengetengahkan jawapan berbentuk analogi. Sebagai contoh, manusia diciptakan dari pelbagai unsur seperti fizikal dan spiritual. Dari segi fizikal, manusia memerlukan keperluan-keperluan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal bagi meneruskan kelangsungan hidup. Begitu juga sebaliknya, manusia memerlukan keperluan-keperluan yang khusus bagi memastikan spiritualnya dapat dibangunkan dan terus subur. Dalam ajaran Islam, amalan solat merupakan salah satu keperluan bagi memastikan nilai-nilai spiritual terus hidup dan subur dalam diri manusia.

Menyentuh persoalan hijab, dinyatakan bahawa tradisi memakai hijab bukan hanya berlaku dalam agama Islam, bahkan turut berlaku dalam agama besar yang lain seperti Kristian, Yahudi dan Buddha (Fatimah Nazifah, 2019). Jelasnya, pakaian yang menutupi kepala sudah menjadi

wacana dalam beberapa diskusi pada masa itu dan sudah dikenal di beberapa kota tua seperti Mesopotamia, Babylon, dan Asyiria. Di dalam Bible, pakaian yang menutupi kepala dipakai oleh Marry (ibu Jesus) sebagaimana dirakamkan dalam Corinthian 11: 5 :

*And every woman who prays and prophesies with her head uncovered dishonors her head – it is just as though her hair were shaved. If a woman does not cover her head, she should have her hair cut offm she should cover her head”.*

Begitu juga, Rabbi Rachel yang merupakan Rabbi yang sangat dihormati oleh umat Yahudi sering kali menggunakan penutup kepala dan pakaian panjang dalam kehidupan sehariannya, khususnya apabila beliau memimpin upacara keagamaan. Bahkan dalam ajaran Buddha, (Avalokitesvara Bodhisattva), digambarkan memakai pakaian suci yang panjang menutup seluruh tubuh dengan kerudung berwarna putih menutup kepala. Dalam tradisi kehidupan masyarakat Eropah sejak abad pertengahan juga memperlihatkan wanita-wanitanya memakai pakaian panjang yang anggun dengan penutup kepala (Nico Fergiyono, 2013).

Di dalam al-Quran, kewajipan wanita Islam mengenakan hijab adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam surah Al Ahzab 59 yang bermaksud:

*“Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak diganggu.”* Justeru, para pelancong diterangkan bahawa matlamat mengenakan hijab di dalam Islam adalah satu ekspresi nilai kesopanan dan kesederhanaan yang berfungsi sebagai pelindung kepada seorang wanita. Oleh kerana wanita dan lelaki diciptakan fitrahnya adalah berpasangan, dengan itu banyak kes gangguan seksual yang berlaku ke atas wanita ada disebabkan kesan daya tarikan yang kuat kepada kaum lelaki. Bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini, Islam mewajibkan wanitanya memakai hijab yang menjadi kod etika yang perlu dipatuhi oleh setiap wanita Islam (Fatimah Nazifah, 2019).

### **Sikap Pelancong terhadap program MTG di Masjid Kristal**

Bagi sebahagian para pelancong non-Muslim, mereka tidak menjangkakan bahawa terdapat ‘badan’ yang sudi untuk mendengar soalan-soalan yang menyentuh keagamaan yang dianggap cukup sensitif bagi setengah penganutnya. Menurut Fatimah Nazifah (2019), apabila para pelancong datang ke Malaysia, secara tidak langsung mereka akan didedahkan dengan pelbagai bentuk kebudayaan masyarakat Muslim yang dianggap cukup berbeza dengan apa yang ada di negara mereka sendiri. Justeru, timbul pelbagai persoalan tentang budaya masyarakat Muslim yang perlu dirungkaikan. Perkara ini dinyatakan oleh Fatimah Nazifah (2019): ‘Biasanya pelancong non-Muslim yang datang ke masjid, mereka dah tengok budaya orang Islam dan mereka tertanya-tanya budaya masyarakat Islam’. Justeru, program MTG memberi ruang yang cukup luas kepada mereka untuk mengemukakan segala hal yang berkaitan agama Islam tanpa sebarang kegusaran.

Bahkan, dalam kalangan pelancong menyedari bahawa Islam pada hakikatnya mengajar penganutnya agar menghormati dan menghargai perbezaan yang ada pada agama orang lain. Hal ni dinyatakan oleh Fatimah Nazifah (2019) “Kadang kala mereka baru tahu, rupanya Islam mengajar macam tu”. Dengan demikian, adalah tidak menghairankan terdapat dalam kalangan

non-Muslim yang membuat tindakan susulan untuk bertanyakan tentang perihal yang berkait dengan agama Islam sukarelawan. Ada dalam kalangan mereka meminta agar diberi al-Quran terjemahan bagi mengetahui maklumat yang lebih lanjut tentang persamaan dan perbezaan yang ada dalam agama tentang sesuatu isu. Malah menurut rekod tahun 2016-2017 sahaja sebanyak 92 naskhah bacaan al-Quran terjemahan bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Jerman, Sepanyol dan Perancis diedarkan kepada pelancong (Norhana, 2018).

Boleh dikatakan bahawa pelancong menimba serba sedikit informasi tentang agama Islam melalui program MTG. Kaedah pengajaran dalam memahami agama Islam adalah bersifat tidak formal dilakukan melalui aktiviti-aktiviti yang ditonjolkan di Masjid Kristal. Dave.B, (2016) seorang pelancong dari New Zealand menyatakan sebagaimana berikut:

*If you want to either learn more about Islam or enjoy a single mosque visit this is the one to see. There's a team of young enthusiastic friendly helpers there to answer any questions from the founding of Islam to the architecture of this stunning place worship.*

Terdapat kes-kes pelancong yang non-Muslim berkunjung ke masjid melakukan pemelukan agama Islam setelah beberapa bulan. Ilmu perbandingan agama perlu ada sedikit sebanyak bagi memahami *world view* mereka terhadap fenomena kehidupan beragama yang berlaku. Aemy Elyani et al. (2018) menyatakan, bertitik tolak daripada kepentingan mengetahui agama ia menjadi asas perpaduan masyarakat yang berbilang kaum. Sesungguhnya pengetahuan dalam ilmu perbandingan agama menjadikan masyarakat mampu melakukan penilaian wajar apabila berhadapan dengan pernyataan dan situasi berbaur prasangka dan tanggapan negatif terhadap agama lain. Komentar daripada pelancong New Zealand adalah seperti berikut:

*My visits there were always beneficial to my soul due to the lovely young people who volunteer making me feel welcome and educating me so I can understand the beautiful religion of Islam. (Davey, 2015)*

Para pelancong beranggapan bahawa di masjid inilah mereka memperolehi maklumat tentang agama Islam secara mendalam. Tujuan utama program MTG adalah untuk memberi pendedahan kepada pelancong non-Muslim tentang agama Islam dan inilah yang dimaklumkan oleh responden. Sekiranya matlamat ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik, non-Muslim dengan mudah sekali melihat Islam dalam konteks yang bukan sebenarnya. Dalam perihal ini Joshua (2015) menyatakan sebagaimana berikut:

*We visited this mosque two times a day; it gave us a totally different impression. During day time, we could go into the mosque and guided with some explanations by two volunteer Muslim girls. It was a good experience about understanding Islamic culture.*

Sukarelawan atau MTG bertindak sebagai agen mengendurkan salah faham pelancong non-Muslim tentang agama Islam kerana pada masa kini mekanisme dakwah perlulah relevan dengan perkembangan dan peluang yang ada. Sudah pasti, implementasi yang dilakukan dengan hati yang jujur akan membawa hasil yang baik. Sekurang-kurangnya para pelancong terbuka hati untuk mengenal Islam dengan lebih dekat. Pengalaman ini diceritakan oleh pelancong dari India sebagaimana berikut :

*"Being a Hindu from India, I don't like visiting mosques that much but when you are in a Muslim dominated country and that to Malaysia when you don't ever realise being a Muslim country, this mosque is worth to visit! The area is*

*spotless, clean and very organized! Even a guide came and explained some things about mosque! Wearing hijab is compulsory. You can get it free of cost from mosque management guys. Overall was happy to visit.* (Moilshah, 2017)

Program MTG dilihat sebagai proses mendekatkan dan kemudiannya membina kefahaman antara Muslim dan pelancong non-Muslim atau komuniti yang beragama yang terpisah di antara satu sama lain atas faktor perbezaan agama. Disiplin perbandingan agama dimanifestasikan sebagai satu daya usaha yang dilakukan untuk membetulkan, menyampaikan dan menjelaskan identiti agama Islam yang sebenarnya dalam kalangan pelancong. Justeru, program yang dilakukan merupakan satu usaha mengurangkan sentimen berbau keagamaan dan membentuk pandangan yang baharu terhadap agama Islam agar warga pelancong merasai Islam merupakan agama yang mendokong keamanan global.

### Kesimpulan

Menyampaikan kebenaran tentang Islam yang sebenar kepada pelancong non-Muslim amat mustahak kerana mereka merupakan agen maklumat kepada negara asing apabila pulang ke tempat asal. Hal ini adalah disebabkan oleh negara non-Muslim pada hari ini lebih banyak melihat Islam pada sisi yang negatif. Untuk memperlihatkan Islam sebagai agama yang menyanjung keamanan sejahtera, pendekatan dakwah melalui ilmu perbandingan agama menjadi perkara terpenting bagi program *Mosque Tour Guide (MTG)* di Masjid Kristal. Keterujaan dan keyakinan para pelancong untuk terlibat dalam program MTG dan selanjutnya mengetahui informasi tentang Islam muncul dan tercapai secara perlahan-lahan. Proses sederhana ini boleh diperkasakan dengan usaha yang lebih menyeluruh dan berkekalan khususnya di masjid-masjid lain yang menjadi tumpuan pelancong.

### Rujukan

- Aemy Elyani Mat Zain & Nur Azimah Abdul Aziz. (2017). Integrasi Antara Dakwah dan Perbandingan Agama: Tinjauan Literatur. Dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. (Ed.). 26-27 April.
- Aszlan Selamat & Muhamad Iszuan bin Safarudin. (2013). *Penilaian Faktor-Faktor Kesenjangan Etnik Di Malaysia Sebagai Penghalang Perpaduan Nasional*. 77-93. Retrieved from <https://www.ums.edu.my/fksw/images/>
- Creswell, J. (2005). *Educational Research - Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative* (2nd Ed). University of Nebraska - Lincoln: Pearson Education International.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Rawang: Kamil & Shakir Sdn Bhd.
- Khadijah Mohd Kambali@Hambali, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin. (2013). Dialog Antara Agama Dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 6, hlm.83-120.
- Mohd Yusof Husain, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik Syed Mohamad & Seri Bunian Mokhtar (2014). Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran *Empolyability* Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal: Satu Kajian Kes. Dalam First Technical and Vocational Education International Seminar 2014(TVEIS 2014).

- Mohd Faizal Abdul Khir. (2017). Pendekatan Normatif dalam Perbandingan Agama: Suatu Analisis Terhadap al-Quran. *KEMANUSAIAAN*, 24( 1), , hlm. 81–98.
- Mohd Faizal Abdul Khir. (2012). Metode Perbandingan Deskriptif Dalam Perbandingan Agama: Suatu Analisis Terhadap Metode Al-Quran. *Centre of Quranic Research International Journal* 1, 2 (1) hlm. 31-146.
- Irsyad Fatwa Umum. (2018). Hukum Non-Muslim Masuk Ke Dalam Masjid. Diakseskan pada 27/1/2019 dari: [muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2793-irsyad-al-fatwa-271-hukum-non-muslim-masuk-ke-dalam-masjid](http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2793-irsyad-al-fatwa-271-hukum-non-muslim-masuk-ke-dalam-masjid).
- Muhammad Nazmi Abd Halim, Jaffary Awang, Muhammad Helmy Abdul Gapar. (2016). Tahap Pengetahuan Rakyat Malaysia Terhadap Asas-Asas Agama Dominan di Malaysia: Kajian Lapangan di Negeri Kedah dan Selangor. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-18 UMS)*, hlm. 64-83.
- Muhd Norazam Nordin, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Fatimah Nadirah Mohd Noor & Azmi Budin. (2018). Sumbangan Syeikh Mohamed Idris Al-Marbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia. *Jurnal Maw'izah* 1, hlm.1526.
- Nico Fergiyono, (2013). Observasi Gaya berjilbab (hijab style). Diakses pada 13/1/2019 dari: <https://nicofergiyono.blogspot.com/2013/09/observasi-gaya-berjilbab-hijab-style.html>.
- Norsaadah Din@ Mohamad Nasirudin, Aemy Elyani Mat Zain Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis (2018). Kajian Rintis Kefahaman Ilmu Perbandingan Agama Dalam Kalangan Mahasiswa Di Institut Pengajian Tinggi Awam Di Negeri Selangor. Dalam 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018). (Ed). Putrajaya: Palm Garden Hotel, 7 August 2018, hlm. 1-23.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah, Siti Rugayah Tibek, Muhamad Faisal Ashaari, Muhammad Adib Samsudin, Zulkefli Aini & Ahmad Irdha Mokhtar. (2014). Industri Pelancongan Islam Dan Pembangunan Etnik Di Malaysia. Dalam Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi – disiplin. (Ed). Tempat: masa, hlm. 1-11.
- Shahrizal Ahmad Zaini. (2018). Masjid Satukan Kaum. *Sinar Harian*, 1 Julai 2018. United Nation World Tourism Organization. (2010). International Recommendations For Tourism Statistics 2008. United Nation. Diakses pada 20 Januari 2011, dari:[http://unstats.un.org/unsd/publication/SeriesM/SeriesM\\_83rev1e.pdf](http://unstats.un.org/unsd/publication/SeriesM/SeriesM_83rev1e.pdf)
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2018). Tema-Tema Ilmu Kajian Agama dalam Muqaddimah Ibn Khaldun: Satu Perbahasan Ringkas. *Sains Insani* 03(2),hlm. 38-45.
- Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Azman, A.R, Irwan, M.S, Mahazan, A.M, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Rose Irnawaty, Ibrahim & Norlina Ismail. (2015). Kepentingan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Modul Pengurusan Mualaf di Negeri Sembilan: Analisis Perspektif Da'i Dan Mad'u. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, volume (isu), hlm.65-85.